

Penggunaan Strategi Bijak Baca Bagi Kefahaman Membaca

Norlizah Ali

norlizah_ali@schools.gov.sg

Sri Rahayu Ramlan

sri Rahayu_ramlan@schools.gov.sg

Sekolah Rendah Woodlands Ring

Abstrak

Murid sering membaca buku cerita tanpa memahami jalan cerita sepenuhnya. Penggunaan strategi Bijak Baca telah digunakan oleh guru untuk latihan kefahaman subjektif berbentuk naratif semasa membimbing murid Darjah 5 dan 6. Dengan pendekatan yang sama, guru menggunakan strategi ini untuk membimbing murid Darjah 1 hingga Darjah 4. Murid-murid Darjah 1 dan Darjah 2 didedahkan lebih kepada visual setelah membaca manakala murid-murid Darjah 3 dan 4 didedahkan kepada visual dan teks. Setelah menggunakan strategi Bijak Baca ini, murid-murid lebih teruja ketika membaca buku cerita. Murid-murid dapat memahami teks dan menjawab soalan kefahaman yang guru sediakan berdasarkan buku cerita tersebut.

Kata Kunci: buku kecil, strategi bijak baca, kefahaman

PENGENALAN

‘Buku kecil’ yang telah dihasilkan oleh pihak Kementerian Pendidikan mempunyai potensi yang besar untuk menjana kemahiran membaca, berfikir dan menjawab soalan kefahaman jenis inferens dan analisis. Kemahiran membaca adalah kemahiran yang penting yang mesti dicapai oleh murid. Kemahiran membaca ialah kemahiran asas dan penting bagi murid. Murid membaca untuk memahami dan mendapatkan informasi dalam setiap pelajaran dan kehidupan sehari-hari mereka. Murid perlu memahami dan mengingat semula idea utama serta tema dalam teks yang dibaca melalui aktiviti membaca.

Terdapat banyak kajian tentang membaca telah dijalankan oleh para pengkaji. Bahagian yang dikaji tertumpu kepada psikologi kognitif yang membolehkan para pendidik memahami dengan lebih baik tentang strategi mengajar kefahaman membaca dengan lebih baik. Ini menjurus kepada pemberian arahan yang eksplisit dan berkesan bagi mengatasi masalah kurang faham akan kandungan teks kefahaman. Menurut Stevens, Madden, Slavin dan Famish, (1987), khususnya kajian tentang pembelajaran kooperatif telah semakin berkembang dan arahan juga lebih efektif dan cekap, malah arahan yang diberikan juga mengambil kira tahap perkembangan dan motivasi murid.

PERNYATAAN MASALAH

Buku kecil sebagai bahan bacaan dapat menjana kemahiran membaca murid dan berpotensi untuk meningkatkan keupayaan murid menjawab soalan kefahaman dengan lebih baik. Murid-murid Darjah 4 merupakan kumpulan perintis menggunakan pakej CEKAP yang baharu yang dilengkapkan dengan buku kecil. Buku kecil yang dihasilkan amat menarik dan mempunyai potensi besar dalam memupuk minat murid untuk rajin membaca. Maka dengan menggunakan bahan sedia ada, guru telah memilih untuk menambah nilai pada penggunaan buku kecil dan digabungkan dengan strategi Bijak Baca untuk melihat keberkesanannya.

Guru telah menghasilkan lembaran kerja sendiri untuk setiap buku kecil bagi Darjah 3 dan Darjah 4 untuk kegunaan di dalam kelas. Pemantauan dalam kelas juga telah dijalankan untuk melihat keberkesanannya.

TUJUAN KAJIAN

Kertas kajian ini mempunyai tujuan yang berikut:

1. Meningkatkan keupayaan murid untuk memahami teks kefahaman dengan mengenal pasti isi-isi penting dengan menggunakan strategi Bijak Baca; dan
2. Menggalakkan pemikiran secara kritis dan kreatif dalam kalangan murid dalam memahami kandungan teks.

KAJIAN LEPAS

Dalam kajiannya yang bertajuk Bijak Baca: Membina Kemahiran Membaca Melalui Strategi Yang Berkesan, Dr Fadilah Isnin (2016) menyatakan bahawa membaca merupakan satu proses yang aktif untuk memahami teks dan grafik. Oleh yang demikian, strategi Bijak Baca ini telah cuba membina pelbagai keupayaan menerusi penggunaan peta mina dalam bentuk lembaran kerja yang disiapkan untuk murid.

Dalam kertas kerjanya, *Teaching Reading Comprehension Strategies*, Majlinda Lika (2017) menyatakan bahawa membaca memerlukan penggunaan pengetahuan sedia ada tentang sesuatu perkara supaya ia dapat membentuk skema dan perspektif baharu dalam pembelajaran murid. Beliau menukil, Durkin (1993), dengan menyatakan bahawa membaca ialah aktiviti berfikir secara sengaja antara pembaca dengan teks yang melibatkan tiga perkara pada diri pembaca: pengetahuan sedia ada, kebolehan mengekod dan tahap tumpuan. Ketiga-tiga faktor ini mempengaruhi daya pemahaman pembaca.

Menurut Nell Duke dan David Person (2017), pembaca yang baik ialah pembaca yang aktif, dan berupaya membuat andaian tentang apa yang akan terjadi dalam teks yang dibaca. Pembaca yang baik juga akan cuba memahami perkataan sukar yang terdapat dalam teks dan mengaitkannya dengan konteks yang dibincangkan oleh penulisnya. Berdasarkan pandangan-pandang pakar, adalah penting bagi guru untuk membimbing murid memahamin dan mempraktikkann proses membaca yang baik untuk menjadi pembaca yang mahir dan berkesan.

Bagi kajain ini, guru telah memilih strategi Bijak Baca yang mengandungi pelbagai aktiviti dan rubrik untuk membina kebolehan membaca secara sistematis dalam kalangan murid.

KAEDAH KAJIAN

Guru telah memilih pendekatan Kajian Tindakan yang dijalankan secara eksperimental bagi kajian ini. Kajian pengajaran membolehkan guru meninjau pemahaman murid melalui bacaan yang mereka lakukan dan kemudian berbincang dan berinteraksi di dalam kelas bersama rakan-rakan. Guru menggunakan lembaran kerja yang disediakan khas untuk buku kecil sebagai bahan bacaan. Guru menyediakan lembaran kerja berdasarkan strategi Bijak Baca bagi membina kemahiran membaca dan memantau keupayaan pembacaan murid. Guru juga memantau pemahaman murid ketika berinteraksi semasa berbincang dengan rakan dan mengingat semula cerita dalam buku kecil mengikut urutan kronologi.

Guru menggunakan lembaran kerja yang dibina secara kreatif bagi memenuhi kebolehan murid yang pelbagai seperti melukis, menulis pesanan dan sebagainya. Guru juga memasukkan penggunaan ICT semasa aktiviti dijalankan untuk murid. Guru mendapatkan lapor balik daripada guru-guru yang menggunakan lembaran kerja ini di dalam kelas masing-masing. Selain itu, guru juga menerapkan elemen Amalan Pengajaran Singapura dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) seperti yang terdapat dalam Jadual 1.



Jadual 1: Penerapan Amalan Pengajaran Singapura

| Proses Pengajaran | Aspek Pengajaran | Aktiviti Mengajar |
|----------------------------|---|--|
| Pelaksanaan Pelajaran | AP 14 : Merangsang Minat AP 17 : Memberikan Penerangan Yang Jelas AP 21 : Menutup Pelajaran | <p>AM 3: Mengajar Rakan Murid-murid menggunakan Tembok NE (<i>NE Wall</i>) untuk mempelajari tentang tokoh mereka pilih. Setelah itu, mereka saling berkongsi dan mengajar rakan mereka tentang tokoh yang telah dipelajari.</p> <p>AM 5 : Menggunakan Penyusun Grafik Murid-murid mengisi penyusun grafik yang guru sediakan selepas mereka membaca buku kecil bertajuk 'Jangan Marah'. Dengan cara ini, murid-murid dapat mengenal pasti dan membincangkan idea-idea utama yang terdapat dalam cerita tersebut.</p> <p>AM 3 : Representasi Visual Saya Murid-murid menghasilkan lukisan sebagai ringkasan kandungan Buku Kecil yang telah dibaca. Murid-murid bebas memilih bahagian cerita yang paling menarik atau melukis dan melakukan interpretasi kandungan cerita itu sendiri. Dengan cara ini, daya kreativiti murid-murid dapat diserahkan.</p> |
| Penilaian dan Maklum Balas | AP 23 : Menyokong Pembelajaran Secara Kendiri | AM 3 : Main Peranan Untuk beberapa tajuk buku kecil, murid-murid perlu bermain peranan berdasarkan perubahan plot yang mereka reka sendiri. Aktiviti ini memberikan murid-murid kebebasan untuk menggunakan daya imaginasi mereka serta menggalakkan semangat kerjasama antara ahli kumpulan. |
| Penerangan dan Justifikasi | | Aktiviti mengajar rakan membolehkan murid berfikir dan berbincang tentang apa yang mereka pelajari dalam buku kecil sebagai bahan bacaan. Ini dapat merangsang minat murid untuk mengetahui dengan lebih mendalam tentang cerita yang dibaca. Aktiviti yang menggunakan penyusun grafik pula dapat membantu murid menyusun pendapat mereka atau membentangkan idea mereka supaya menjadi lebih jelas. Setelah ini mereka dapat menyampaikan pendapat dan idea mereka dalam bentuk lain. Murid juga dapat berkongsi dengan rakan-rakan mereka. Melalui main peranan, murid dapat meningkatkan pemahaman mereka dan guru dapat menilai sejauh mana murid dapat memahami cerita yang dibaca. |

Subjek Kajian

Terdapat dua peringkat yang terlibat dalam kajian ini. Subjek kajian merupakan murid-murid Darjah 3 dan Darjah 4. Murid Darjah 3 terdiri daripada murid tahap melebihi aras kebolehan seramai 27 orang. Murid Darjah 4 pula terdiri daripada murid pada aras kebolehan seramai 22 orang. Murid-murid ini telah didedahkan kepada aktiviti-aktiviti menarik selepas membaca Buku Kecil sejak Darjah 1.

Instrumen Kajian

Guru menggunakan senarai semak dan rubrik bagi penilaian kendiri. Guru telah membina lembaran kerja bagi murid menjalankan penilaian secara kumpulan untuk meninjau keupayaan murid dalam memahami kandungan teks buku kecil.

Prosedur Kajian

Murid telah didedahkan kepada penggunaan buku kecil sejak Darjah 1 tetapi tidak dibimbing dengan strategi Bijak Baca. Mereka hanya sekadar menjawab soalan kefahaman ataupun melukis satu peristiwa berdasarkan kandungan buku kecil tersebut.

Pada tahun 2018, murid didedahkan kepada strategi Bijak Baca. Walaupun strategi Bijak Baca dihasilkan untuk peringkat Darjah 4 hingga Darjah 6, guru telah menyesuaikan aktiviti yang disarankan bagi keperluan pembelajaran murid Darjah 3. Murid didedahkan kepada cara-cara membaca yang betul supaya dapat membina pemahaman mereka. Murid juga didedahkan kepada kosa kata yang berkaitan dengan cerita dalam buku kecil. Contohnya, tajuk cerita dalam buku kecil “Mereka Yang Berjasa”, guru menggunakan infrastruktur sekolah, iaitu Tembok Pendidikan Nasional (*National Education Wall*) yang memaparkan tokoh-tokoh dan perintis-printis yang tersohor. Murid-murid juga didedahkan kepada lebih banyak informasi tentang para tokoh perintis dalam pelajaran berdasarkan buku Rakyat Budiman bagi Darjah 3 yang menyentuh tentang topik yang sama. Kemudian, perbincangan dijalankan untuk mencungkil pengetahuan sedia ada murid tentang topik yang akan dibaca dalam buku kecil. Selepas itu, murid membaca buku kecil. Guru kemudian menerangkan perkataan-perkataan yang sukar mengikut konteks penggunaannya dalam buku kecil. Murid berbincang bersama rakan dalam kumpulan untuk menyelesaikan lembaran kerja yang guru berikan sebagai tugas.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan data yang tertera dalam Jadual 2, dapat dilihat sebanyak 81.6% murid-murid dapat menggunakan strategi ini dengan baik. Hampir semua murid berjaya memberikan tumpuan semasa membaca apabila menggunakan strategi ini. Perkara yang paling memberangsangkan ialah 93.8% murid-murid dapat memahami kandungan teks yang dibaca.

Jadual 2: Maklum Balas Murid – Penggunaan Strategi Bijak Baca

| Saya boleh... | | Ya | Tidak |
|---------------|---|-------|-------|
| 1. | menggunakan strategi dengan baik | 81.6% | 18.4% |
| 2. | memberi tumpuan semasa membaca | 91.8% | 8.2% |
| 3. | mengenal pasti informasi yang penting | 71.4% | 28.6% |
| 4. | mencatat informasi yang penting | 71.4% | 28.6% |
| 5. | memahami teks yang dibaca | 93.8% | 6.2% |
| 6. | memilih bahagian yang menarik dalam Buku Kecil | 71.4% | 28.6% |
| 7. | menggambarkan idea utama dalam minda | 71.4% | 28.6% |
| 8. | mgaikan peristiwa dalam teks dengan pengalaman saya | 71.4% | 28.6% |

Kajian ini juga mendapati murid-murid dapat melengkapkan tugas yang guru berikan berdasarkan buku kecil yang dibaca. Murid teruja untuk melakukan aktiviti-aktiviti berkaitan cerita dalam buku kecil sama ada secara kendiri ataupun bersama rakan-rakan di dalam bilik darjah. Aktiviti-aktiviti berdasarkan buku kecil ini telah dapat membantu murid lebih berminat membaca bahan bacaan Bahasa Melayu dan memahami kandungan bahan yang mereka baca.

KESIMPULAN

Aktiviti-aktiviti yang dibina berdasarkan strategi Bijak Baca telah dapat membantu murid-murid lebih berminat membaca. Selain daripada itu, aktiviti-aktiviti yang pelbagai telah juga dapat membantu murid-murid lebih memahami cerita yang terdapat dalam buku kecil. Pastinya, guru mempunyai peranan yang kritikal dalam membimbing murid-murid selain menjadi pembaca yang lancar dan berdikari, juga meraih manfaat-manfaat membaca. Oleh itu, strategi-strategi membaca yang menarik memang penting untuk membantu murid-murid membaca dan memahami teks yang dibaca.

RUJUKAN

- Durkin, D. (1978 - 79). What classroom observations reveal about reading instruction. *Reading Research Quarterly*, 14, 481-533.
- Fadilah Isnin (2016). Bijak baca: membina kemahiran membaca melalui strategi yang berkesan. Dlm, *Dian Bahasa 2016* (pp 23-38). Singapura: Pusat Bahasa Melayu Singapura, Akademi Guru Singapura.
- Lawrence R.Frey; Dennis S Gouran; Marshall Scot Poole. The Handbook of Group Communication Theory and Research. Newbury Park, Calif. Sage: 1999.
- Majlinda. L. (March 2017). Teaching reading comprehension strategies. Academic Journal of Business, Administration, Law and Social Sciences IIPCCCL Publishing, Vienna-Austria. Retrieved December 2018, from <http://iipccl.org/wp-content/uploads/2017/03/Pages-from-196-204.pdf>
- Nell. K Duke, P. David Person, 2017. Effective Practices for Developing Reading Comprehension. Journal of Education.
- Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018), *Amalan Pengajaran Singapura*, Singapura: Oxford Graphic Printers Pte. Ltd.
- Robert J. Stevens, Robert E. Slavin, Anna Marie Famish. The Effects of Cooperative Learning and Direct Instruction in Reading Comprehension Strategies on Main Idea Identification. Baltimore, Md. : Center for Research on Elementary and Middle Schools, the Johns Hopkins University ; [Washington, DC] : U.S. Dept. of Education, Office of Educational Research and Improvement, Educational Resources Information Center, [1989].